



SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

**Gagal patuhi paparan tanda harga di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142,
tiga premis perniagaan dikompaun**

Tarikh: 25 Jun 2024

1. Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah mengeluarkan tiga (3) kompaun dengan jumlah keseluruhan sebanyak \$1,500.00 kepada tiga (3) buah premis perniagaan kerana tidak mematuhi Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya sepanjang bulan April dan Mei tahun ini.
2. Hasil penguatkuasaan rutin yang dijalankan oleh JPES melalui Jabatan Hal Ehwal Pengguna pada bulan April dan Mei 2024 mendapati syarikat-syarikat tersebut di bawah telah melanggar Bab 5 di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142 iaitu berkaitan dengan paparan tanda harga. Syarikat-syarikat berkenaan telah gagal mempamerkan tanda harga bagi sebahagian barangan yang dijual di dalam premis perniagaan masing-masing dan tindakan kompaun telah dikeluarkan:

Bil.	Nama Syarikat	Tindakan (Kompaun)
1	Anika Tujuan Sdn Bhd, Kg Kiulap	\$500.00
2	Gururam Sdn Bhd, Kg Mata-Mata	\$500.00
3	NoorJumanah Department Store, Kg. Mulaut	\$500.00

3. Penguatkuasaan Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya di sepanjang bulan April dan Mei 2024 juga telah merekodkan sebanyak tiga (3) Notis Amaran dikeluarkan kepada tiga (3) buah premis perniagaan atas kesalahan di bawah Bab 3B iaitu menjual melebihi harga maksimum yang ditetapkan bagi barangan yang dikawal harga dan Bab 5 iaitu tidak mempamerkan tanda harga.
4. Para peniaga hendaklah peka dan sentiasa mengamalkan amalan perniagaan yang beretika termasuk mempamerkan tanda harga dengan jelas dan tepat bagi membolehkan pengguna untuk membuat keputusan pembelian yang bermaklumat. Para peniaga juga perlu memastikan barangan yang dikawal harga di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142 seperti minyak masak dan susu tepung formula anak damit, tidak dijual melebihi harga maksimum yang ditetapkan. Amalan perniagaan yang beretika adalah asas dalam membina keyakinan pengguna dan mewujudkan persekitaran perniagaan yang sihat.
5. Orang ramai digalakkan untuk menggunakan aplikasi mudah alih PenggunaBijak bagi melaporkan aduan dengan menyertakan dokumen sokongan seperti resit pembelian atau bagi mendapatkan maklumat berhubung dengan Akta Kawalan Harga, Penggal 142. Aduan juga boleh disalurkan melalui Talian Darussalam 123 atau e-mel kepada aduanpengguna@jpes.gov.bn.

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik
Kementerian Kewangan dan Ekonomi



PRESS RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

**Failure to display prices under the Price Control Act, Chapter 142,
three business premises issued with compounds**

Date: 25 June 2024

1. The Department of Economic Planning and Statistics (DEPS) at the Ministry of Finance and Economy has issued three (3) compounds with a total amount of \$1,500.00 to three (3) business premises for failure to comply the Price Control Act, Chapter 142 and its Regulations throughout April and May this year.
2. Routine enforcement conducted by DEPS through the Department of Consumer Affairs in April and May 2024 found that the business premises below have infringed Section 5 of the Price Control Act, Chapter 142 pertaining to price display. The businesses have failed to display prices for some of the items sold in their respective business premises and compounds have been issued as follow:

No.	Company Name	Action (Compound)
1	Anika Tujuan Sdn Bhd, Kg Kiulap	\$500.00
2	Gururam Sdn Bhd, Kg Mata-Mata	\$500.00
3	NoorJumanah Department Store, Kg. Mulaut	\$500.00

3. The enforcement of Price Control Act, Chapter 142 and its Regulations in April and May 2024 have also recorded the issuance of three (3) Warning Notices to three (3) business premises for offences under Section 3B on selling of price-controlled items above its set maximum price and Section 5 on failure to display prices.

4. Retailers are to be mindful in safeguarding ethical business conducts including to display prices clearly and accurately to enable consumers make informed purchase decisions and to ensure controlled-items under the Price Control Act, Chapter 142 such as cooking oil and infant formulated powdered milk, are not sold above its maximum price. Ethical business conducts are foundational to building consumer trust and fostering a healthy business environment.

5. The public is encouraged to use the PenggunaBijak mobile application to lodge a complaint with supporting documents such as purchase receipts or to get more information on Price Control Act, Chapter 142. Complaints can also be channeled through Talian Darussalam 123 or email to consumercomplaint@jpes.gov.bn.

Department of Economic Planning and Statistics
Ministry of Finance and Economy